

**Kempen Akhir Tahun Akaun Deposit-i Berjangka (Individu)  
Tahun 2022/2023**

**Terma dan Syarat**

**A. Syarat-syarat dan Kelayakan Kempen**

Kempen ini terbuka kepada Pendeposit/Pelanggan individu (individu, bersama atau pemegang amanah) baharu dan sedia ada yang berwarganegara Malaysia termasuk Penduduk Tetap (PR).

**B. Mekanisma Kempen**

**a) Penempatan Dana**

Penempatan dana minimum RM10,000 di dalam Akaun Deposit-i Berjangka untuk tempoh 6 bulan oleh pendeposit/pelanggan.

**b) Kadar Keuntungan**

- i) Kadar keuntungan bagi tempoh Akaun Deposit-i Berjangka bagi Kempen ini adalah seperti berikut :

Tempoh	Kadar Keuntungan
6 bulan	4.05% setahun

*Penafian: Jika berlaku perubahan ke atas Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam tempoh kempen, kadar keuntungan kempen akan dipinda selaras dengan perubahan tersebut.*

- ii) Kadar keuntungan bagi Kempen ini akan diberikan bagi penempatan dana untuk SATU (1) kitaran sahaja.
- iii) Setelah tempoh matang dan atas arahan dari Pendeposit/Pelanggan semasa pembukaan akaun, Bank boleh memperbaharui secara automatik mengikut tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa yang telah ditetapkan oleh Bank.
- iv) Pendeposit/Pelanggan boleh memilih sama ada pembayaran keuntungan secara BULANAN atau PADA TARIKH MATANG untuk Akaun Deposit-i Berjangka.

- v) Pendeposit/Pelanggan perlu membuka Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i Elektronik (eCA-i) Bank Rakyat, bagi memudahkan proses bayaran keuntungan atau pengeluaran yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i/eCA-i tersebut.
- vi) Pengeluaran pramatang secara penuh sahaja dibenarkan dan tiada keuntungan kontrak dibayar kepada pendeposit/pelanggan. Sekiranya Pendeposit/ Pelanggan memilih untuk menerima bayaran keuntungan secara bulanan, Bank mempunyai hak untuk membuat pelarasan ke atas keuntungan bulanan dan/ atau jumlah prinsipal Akaun Deposit-i Berjangka.

Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya dalam terma dan syarat kempen ini, Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Deposit-i Berjangka yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa adalah terpakai.

### **C. Tempoh Kempen**

1. Tempoh Kempen bermula 10 November 2022 sehingga 31 Januari 2023.
2. Bank berhak untuk melanjutkan, mengurangkan tempoh Kempen atau menghentikan terus kempen ini pada bila-bila masa.

### **D. Lain-Lain Terma dan Syarat**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pendeposit/Pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pendeposit/Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama Pendeposit/Pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank mempunyai hak untuk meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu akan berkuatkuasa selepas notis dikeluarkan. Pendeposit/pelanggan adalah dianggap

bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.

5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan / atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, kerosakan yang berkaitan dengan visual atau pembayaran kepada pemenang.
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
8. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PENDEPOSIT ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PENDEPOSIT/PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.

10. Dengan menyertai kempen ini, Pendeposit/Pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

11. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi pusat panggilan Tele-Rakyat di talian **1300 80 5454**; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari **[www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)**